

# KUBEL

TEMPAT tinggal 'berlumpur'  
untuk African bullfrog.





# GENG MINAT KODOK

Komuniti peminat African bullfrog sering berkongsi minat mereka melalui media sosial

**FOKUS**

Oleh Hafiz Ithnin

hafizithnin@mediaprima.com.my

**Ketika** penulis bertanya mengenai haiwan kesayangan yang dimiliki seorang peminat haiwan eksotik ini, pantas jawapannya, katak!

Ternyata bagi Iman Rosdi, memiliki katak sebagai haiwan

kesayangan bukan sesuatu yang aneh kerana terdapat kumpulan di media sosial yang berkongsi mengenai minat yang sama.

Katak berkenaan dikenali sebagai African bullfrog atau nama saintifiknya *Pyxicephalus adspersus* yang sebenarnya mudah ditemui di Afrika sesuai dengan gelaran awalnya.

Menerusi pencarian maklumat mengenai

African bullfrog di portal The Spruce Pets, amfibia itu mampu mempunyai jangka hayat yang agak lama iaitu 15 hingga 25 tahun.

Portal itu turut melaporkan African bullfrog jantan mampu mempunyai berat lebih 1.8 kilogram (kg) dan betina pula sekitar 2 kg. Berat bukan?

African bullfrog mempunyai ciri - ciri berwarna hijau pada

kulit kepala hingga ke ekor dan di bawahnya pula memiliki tompok jingga.

“Amfibia ini antara yang popular dijadikan haiwan kesayangan kerana ia mudah untuk dijaga memandangkan African bullfrog hanya memerlukan akuarium yang mempunyai saiz yang sesuai dengannya, diet yang betul dan kadar kelembapan yang mencukupi.



GAYA.comel Bull ketika 'protes'.


“Mengenai diet, African bullfrog adalah haiwan dalam kategori karnivor dan insektivor. Antara makanan yang menjadi menu pilihannya adalah lipas hutan dan cacing. Malah, ia juga menjadikan anak tikus sebagai diet,” kata portal berkenaan.

Dari segi kelembapan tempat simpanan, portal itu menyatakan, African bullfrog memerlukan kelembapan tempat tinggal 80 hingga 90 peratus memandangkan haiwan itu begitu sinonim dengan kehidupan dua alam.

Malah, bagi pemilik African bullfrog akan menggunakan beberapa media untuk diisi di dalam tangki yang boleh bercampur dengan air seperti serat koko atau lumut gambut.

Sementara itu, Iman berkata, dia memiliki African bullfrog sejak setahun lalu dan ketika dia membeli haiwan itu pada harga RM150 ekor, haiwan kesayangannya berusia lima bulan.

Katanya, di pasaran tempatan African bullfrog yang dijual




**IMAN** membuat kajian sebelum memiliki African bullfrog yang dinamakan Bull.

sebagai Bull ini, saya membuat kajian menerusi pembacaan di laman web dan juga menyertai komuniti peminat haiwan kesayangan eksotik untuk mengetahui cara penjagaannya.

“African bullfrog adalah haiwan kesayangan yang amat mudah untuk dijaga kerana saya hanya perlu memastikan tahap kelembapan yang baik di dalam akuarium, diet yang sesuai dan paling penting ialah tahap kebersihan di tempat simpanannya supaya Bull mampu mempunyai jangka hayat yang lama,” katanya.

Wanita itu menambah,



**SERANGGA** menjadi antara menu untuk African bullfrog.

# CECAH RM250 SEEKOR

Haiwan dianggap comel dalam komuniti sendiri, harga bergantung pada saiz selain keunikan corak


Bull berlumpur iaitu sesuai dengan keperluannya.

“Malah, air itu juga akan menjadi sumber untuk diminum. Jadi, kebersihan air itu perlu dititik beratkan supaya Bull tidak mengalami masalah kesihatan,” katanya.

Dari segi kos penjagaan, Iman berkata, setiap bulan untuk membeli makanan dan tanah untuk dijadikan media, dia hanya berbelanja sekitar RM200.

“Saya hanya memberikan Bull makanan lipas hutan dan sebulan sekali atau dua kali akan berikannya anak tikus. Sebenarnya African bullfrog ini makan pelbagai jenis makanan,” katanya.

Katanya, memandangkan African



IMAN kerap memeriksa kesihatan Bull dengan memerhatikan bentuk badannya.

bullfrog adalah dalam kategori karnivor dan insektivor, sebagai pemilih dia perlu bijak membaca emosi haiwan berkenaan sebelum memegangnya.

“Jujurnya saya pernah digigit Bull kerana


ketika ini saya mula mengangkatnya dari hadapannya. African bullfrog ini biasanya apabila ia melihat sesuatu di depan pasti disangka makanan.

“Jadi, untuk memegangnya kita perlu memastikan ia tidak dalam keadaan lapar dan mengangkat dari belakang,” katanya.

Katanya, Bull juga sudah mengenali Iman sebagai pemiliknya kerana apabila diletakkan di atas tangan, ia akan tenang berbanding dengan orang lain.

“Haiwan ini sebenarnya comel terutama bentuk badannya yang gemuk. Kadang-kala apabila ia merajuk apabila saya ‘puasakannya’ sebelum memberi makanan tikus, Bull akan baring terlentang tanda protes,” katanya.

AFRICAN bullfrog milik Iman yang dibeli sejak setahun lalu



Wanita lain menambah, dia amat mementingkan kebersihan air di dalam akuarium yang bercampur dengan tanah atau lumut gambut.

“Air yang bercampur dengan media itu akan menjadikan tempat tinggal

pembiak biasanya pada kadar RM250 ke atas bergantung kepada keunikan corak dan saiz.

“Sebelum saya memutuskan untuk memiliki African bullfrog jantan yang saya nama